

Tarikh : 17/11/2020

KENYATAAN SEBUTHARGA

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI KELANTAN

Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang beralamat **di Negeri Kelantan** serta berdaftar **Kementerian Kewangan Malaysia** dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:

Bil.	Tajuk Kerja	Taraf/Jenis Syarikat	Kelas	Kepala/ SubKepala	Tarikh Tutup
1.	Perkhidmatan membekal pengawal keselamatan di Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Kelantan, Bandar Baru Tunjung, Kota Bharu, Kelantan No. Sebutharga : JKSKN 400-10/2/13 SH 04/2020	Terbuka	Bumiputera	221001 221002 221003 221104 221402	29/11/2020

2. Dokumen Sebutharga boleh disemak dan boleh diperolehi di Jabatan Kehakiman Syariah mulai tarikh **22/11/2020 hingga 29/11/2020** pada hari dan waktu berikut :

Ahad hingga Rabu	Jam :	8.30 pagi	-	12.45 tengahari
		2.30 petang	-	4.00 petang
Khamis		sehingga	-	2.00 petang

3. Kontraktor yang ingin memasuki tawaran diatas adalah dikehendaki membuat bayaran RM 20.00 (Ringgit: DUA PULUH SAHAJA) kepada Bahagian Kelantan, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan sebagai bayaran Dokumen Sebutharga.

4. Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Kontraktor hendaklah membawa Perakuan Pendaftaran Asal atau Kad Perakuan Permohonan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Sijil Pendaftaran Asal Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dan Sijil Asal Pengiktirafan Taraf Bumiputera jika berkenaan. Salinan sijil Pendaftaran PKK /Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera boleh diterima jika disahkan oleh Pengarah Pusat Khidmat Kontraktor, serta Sijil CIDB dan 'Surat Wakil' yang sah daripada Syarikat.

5. Dokumen sebutharga hendaklah dimasukkan kedalam sampul surat berlakri dan ditulis Nombor Sebutharga, Nama Sebutharga serta tarikh tutup dan dimasukkan kedalam Peti Sebutharga pada **29/11/2020 sebelum jam: 12.00 tengahari** di JKSN, Kelantan.

6. Pejabat ini tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.

Sekian, terima kasih.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”
“SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT”

Saya yang menjalankan amanah,

(NORHASNEY RIDHWAN BIN HASSAN)

Ketua Pendaftar

b.p : KETUA HAKIM SYARIE

NEGERI KELANTAN

s.k:

- 1) YAA. Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan
- 2) Pusat Khidmat Kontraktor Negeri Kelantan
- 3) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)
- 4) Majlis Daerah.....
- 5) Jabatan Kerja Raya Jajahan.....
- 6) Pejabat Tanah dan Jajahan.....



**JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI KELANTAN
KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah pecahan kepala perkhidmatan membekal pengawal Keselamatan seperti berikut :

NO. SEBUTHARGA	PERKARA
JKSKN 400- 10/2/13 SH 04/2020	SEBUTHARGA PERKHIDMATAN MEMBEKAL PENGAWAL KESELAMATAN PEJABAT TUJUH (7) TINGKAT DI KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH NEGERI KELANTAN.

Dokumen Sebutharga boleh diperolehi pada waktu pejabat **mulai 22/11/2020 hingga 29/11/2020** di Bahagian Kewangan Jabatan Kehakiman Syariah dengan menunjukkan SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN dalam kod bidang seperti di atas dan SIJIL TARAF BUMIPUTERA (jika bertaraf Bumiputera) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa membeli Borang Sebutharga.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dengan mencatatkan tajuk dan No. Sebutharga dan dimasukkan ke dalam peti sebutharga yang ditetapkan di Bahagian Kewangan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan, Aras 5, Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Kelantan, 15510 Kota Bharu sebelum atau pada **pukul 12.00 tengahari** bertarih **29/11/2020**.

Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

**WAKTU BEKERJA UNTUK PENGAWAL KESELAMATAN
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI KELANTAN**

(SETIAP HARI – 24 JAM)

- i) 08.00 pagi hingga 04.00 petang (Dua orang pengawal)
- ii) 04.00 petang hingga 12.00 malam (Dua orang pengawal)
- iii) 12.00 malam hingga 08.00 pagi (Dua orang pengawal)

LAMPIRAN B

TUGAS-TUGAS UMUM PENGAWAL KESELAMATAN (JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI KELANTAN)

1. Menjaga semua barang-barang perkakas dan bangunan, kenderaan, jentera, peralatan dan nurseri serta alat-alat kepunyaan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan (JKSN)
2. Membuka pintu pejabat sebelum jam 8.00 pagi hari bekerja.
3. Memastikan pintu / tingkap sentiasa dalam keadaan berkunci selepas waktu pejabat.
4. Menutup / mengunci pintu pejabat JKSN selepas waktu pejabat seperti mana senarai kunci yang dipegang oleh pihak Pengawal Keselamatan.
5. Membuat rondaan dari semasa ke semasa setiap dua jam sekali samada syif siang atau malam.
6. Membuat laporan semasa hasil dari rondaan yang telah dibuat dan laporan tersebut hendaklah diserahkan kepada Penyelia Bangunan untuk disemak dan disahkan seminggu sekali.
7. Memastikan kedudukan kenderaan kakitangan / orang awam berada pada tempat letak kereta yang ditetapkan.
8. Menyelia pergerakan kenderaan keluar masuk ke Kompleks Mahkamah Syariah terutama pada waktu pagi.
9. Pintu pagar utama hendaklah sentiasa ditutup selepas waktu pejabat.
10. Mengguna pakai buku keluar masuk kenderaan selepas waktu pejabat iaitu dari mulai jam 6.00 petang.
11. Segera membuat laporan dan melaporkan kepada pihak JKSN sekiranya terdapat sebarang kecurigaan yang berlaku di dalam kompleks ini.
12. Menerima arahan bertugas dari pihak atasan JKSN dari semasa kesemasa sekiranya terdapat program-program yang dijalankan di jabatan ini.